# Silat kagumi pelajar2

28 FEB 1972

SINGAPURA, Ahad — Dua orang ahli penchak silat dari Balai Rakyat Kampong Kembangan telah menunjokkan seni mempertahankan diri itu di-hari pembukaan Pesta Seni Sekolah Antarabangsa, semalam.

Berbagai achara menarek di-tunjokkan di-hari pertama pesta tersebut yang di-buka oleh Pesurohjaya Tinggi India di-sini, Enche Prem Bhatia.

Sa-lain dari pertunjokan seni pertahan diri itu, peserta2 telah menyembahkan tarian2 kebangsaan, pertunjokan menyusun bunga, satu derama dan beberapa achara yang menarek.

Satu pameran lukisan, archa, seni tembikar dan lain2 pekerjaan tangan hasil karya pelajar2 sekolah tersebut dan pelukis2 tempatan telah di-adakan dalam pesat itu.

Antara ranchangan yang di-adakan hari ini ia-lah persembahan nyanyian oleh penyanyi2 tempatan termasok satu pertunjokan feshen, bachaan sajak, satu persembahan derama dan pertunjokan filem.

## BERBAGAI NILAI BUDAYA PERLU DI-HARGAI — OTHMAN

# Satu identiti kebangsaan akan munchul

MENTERI Hal Ehwal Masharakat, Enche Othman Wok, malam tadi menyatakan keyakinan-nya bahawa 'lambat laun sa-buah identiti kebangsaan akan terbentok di-Singapura'.

"Sa-bagai rakyat yang mempunyai identiti ilmu alam dan politik yang tunggal, dan sa-banyak sadikit terdedah kapada dorongan2 ekonomi, budaya dan sosial yang sama, ada-lah di-duga lambat laun satu identiti budaya akan terbentok," kata-nya.

6 MAY 1972

Tetapi, kata-nya lagi, kita harus mengakui, kalau mahu di-perchepat pembentokan satu kebudayaan kebangsaan yang tegas chorak dan terbentok-nya, kita mesti-lah sentiasa menggalakkan rakyat tua dan muda menghargai berbagai nilai dan unsor kebudayaan yang sekarang ini menjadi asas kebudayaan kita dan mempengarohi chara hidup, pemikiran serta kehendak2 kita yang berlainan.

Enche Othman Wok berkata demikian ketika merasmikan Kelas Bersilat di-Balai Rakyat Pasir Panjang.

Beliau menunjokkan bahawa dalam sa-buah masharakat yang berbilang bangsa, usaha menyatukan kebudayaan dan memupok daya chipta budaya, dapat di-lancharkan dengan sempurna kalau kita dapat mempengarohi rakyat supaya menghargai unsor2 budaya orang lain.

Kata-nya: "Kalau kita tidak dapat menarek minat yang menyeluroh terhadap unsor2 budaya yang berlainan chorak dan bentok yang di-warithi oleh berbagai kaum dalam masharakat kita, maka kita akan dapati sukar untok menchipta sa-buah kebudayaan kebangsaan yang tegas bentok dan chorak-nya.

S'PURA, Jumaat

"Dalam sa-buah negeri saperti Singapura, kita sentiasa menghadapi pengaroh2 dari berbagai budaya dan sosial yang berasal dari puncha2 yang berlainan."

Menyentoh tentang seni silat itu, Enche Othman berkata bahawa ia mungkin merupakan seni mempertahankan diri orang2 Melayu.

Tetapi, samakin hari ia samakin popular di-kalangan orang2 bukan Melayu, menteri itu menambah.

Demikian juga kata-nya, berbagai seni silat yang popular di-Singapura sekarang ini mungkin berasal dari Jepun, China dan India, tetapi orang2 mengamalkan-nya, tanpa mengira asal usul-nya.

"Soal yang penting ia-lah jika rakyat Singapura berhimpun lebeh kerap dan menyertai kegiatan2 yang mereka sama2 mempunyai minat terhadap-nya, kita akan lebeh chepat melihat pembentokan satu identiti budaya di-kalangan belia kita yang berdasarkan perpaduan sosial dan kesedaran kebudayaan."

Oleh-nya di-nyatakan bahawa sa-bagai salah satu chara mempertahankan diri, bersilat telah di-dapati sunggoh berguna sekali.